

# Roslin meriahkan Kejohanan Badminton USIM



Roslin (kanan) berkongsi pengalaman dan tip sebagai bekas pemain nombor satu dunia.

**Nilai:** Kejohanan Badminton Tertutup Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Kuarters KLIA, Sepang, baru-baru ini, dimeriahkan dengan kehadiran bekas pemain badminton kebangsaan, Roslin Hashim dan Zakry Latif.

Lebih menarik, kedua-dua ikon berkenaan berkongsi pengalaman

dan tip untuk berjaya dalam sukan badminton selain turut menunjukkan kemahiran dalam perlawanan persahabatan bersama-sama pemain badminton USIM.

Kejohanan sehari itu dianjurkan Pusat Sukan dengan kerjasama Urus setia Pasukan Badminton USIM dan disertai 72 pemain terdiri daripada pelajar serta kakitangan. Pengarah kejohanan, Mohd



Peserta bergambar selepas kejohanan berakhir.

Fauzi Amirudin, berpuas hati dengan kejohanan yang julung kali dianjurkan itu kerana mendapat penyertaan menggalakkan.

Selain itu, katanya, setiap peserta menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan bersaing secara sihat.

### Suntikan semangat

"Bakat baharu yang memiliki potensi akan diketengahkan

untuk mewakili USIM dalam Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2016.

"Kehadiran jaguh badminton negara pula diharapkan mampu memberi suntikan semangat kepada bakal atlet USIM untuk menghadapi kejohanan lebih besar pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, pasangan regu

Mohamad Fadhil Lubis Mahmud dan Mohamad Nasrullah Mohd Noor menjadi juara kategori lelaki, manakala pasangan regu Mariam Jamilah Roslan dan Syahidah Aziz menjuarai kategori wanita.

Menawarkan hadiah kesetruhan bernilai RM2,000, kejohanan itu diharapkan akan menjadi acara tahunan universiti dalam melestarikan gaya hidup sihat dalam kalanganarganya.